

14 MAR 1996

GERAKAN MESRA DILANCAR DI PERINGKAT NEGERI

SUNGAI PETANI, 14 Mac (Bernama) -- Program gerakan Mesra peringkat negeri akan dilancarkan di sini Isnin depan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dijangka dihadiri kira-kira 5,000 penduduk Kedah.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan Negeri Abdullah Hasnan Kamaruddin hari ini berkata pelbagai acara diatur untuk menjayakan gerakan Mesra peringkat negeri itu.

Majlis pelancaran dijadual diadakan di Institut Kemahiran Mara (IKM) di sini dan sebuah dewan yang baru siap dibina di institut itu akan dirasmikan oleh Dr Mahathir dan diberi nama "Dewan Mesra Perdana."

Gerakan Mesra yang dilancarkan Perdana Menteri di peringkat pusat dua bulan lepas bertujuan memesrakan lagi hubungan antara pemimpin dan masyarakat ke arah menjayakan wawasan 2020.

Abdullah berkata Perdana Menteri akan disambut 50 orang kanak-kanak untuk menyaksikan pameran "khemah tunas mesra" di samping menyaksikan hasil lukisan 100 orang kanak-kanak di sini.

Beliau kemudian akan memotong kek berlambangkan huruf "M" dan menyaksikan perkhemahan "mesra mahir" yang melibatkan kakitangan Jabatan Penerangan, Belia dan Sukan serta kakitangan institut itu.

RTM1 akan membuat liputan lintas langsung acara itu yang dijadual turut dihadiri Menteri Penerangan Datuk Mohamad Rahmat dan Menteri Besar Kedah Tan Sri Osman Aroff. -- BERNAMA

RO RON